

# IKHWAN AL-MUSLIMIN, BERSATULAH SEKARANG.... !

## BEKERJALAH! KERANA MENYAMPAIKAN JANJI TUHAN MENJADIKAN KITA KHALIFAH DI BUMI ALLAH

“Kami berasal daripada kaum jahiliyah yang menyembah berhala, memakan bangkai, mengerjakan pekerjaan-pekerjaan yang keji, memutuskan perhubungan silaturahmi, menyakiti jiran, orang-orang kuat daripada kami menindas orang-orang yang lemah. Demikianlah keadaan kami sehingga Tuhan seru semesta alam telah mengutuskan kepada kami seorang pesuruh-Nya daripada golongan kami yang kami kenal akan susur galurnya (nasabnya), benar tutur katanya, amanah orangnya dan dirinya bersih daripada segala kejahatan. Ia telah menyeru kami supaya mengasih Allah dan menyembah-Nya dan meninggalkan segala berhala yang telah sekian lama kami dan ibu bapa kami telah menyembahnya. Ia telah menyuruh kami berkata benar, menunaikan amanah, menghubungkan silaturahmi, berbaik-baik dengan jiran dan menahan diri daripada segala perbuatan yang haram dan pertumpahan darah. Ia telah menegah kami daripada perbuatan yang keji, berdusta, memakan harta anak yatim dan menurut perempuan-perempuan yang bersih dengan membuat tuli. Ia telah menyuruh kami menyembah Allah dengan tidak mempersekutukan-Nya (bersyirik kepada-Nya), mengerjakan sembahyang, zakat dan puasa.....kami telah membenarkannya dan beriman kepada-Nya serta mengikut segala perintah Allah yang di bawa oleh-Nya.....” – kata Jaafar Bin Abi Talib ketua rombongan seramai 80 orang yang telah berhijrah ke Habsyah.

### PERSATUAN DIKEHENDAKI

(oleh Ahmad Lutfi)

Perkataan Jaafar Bin Abi Talib yang diletakkan di atas ini adalah menjadi suatu gambaran kepada ertinya yang sebenar tentang didatangkan Muhammad Bin Abdullah (SAW) memimpin umat kepada jalan kebahagiaan dan kesentosaan hidup di dalam dunia ini. Asas perdirian yang tersebut itu iaitu “benar tutur kata, amanah, bersih daripada segala kejahatan, menghubungkan silaturahmi, berbaik-baik dengan jiran, menahan diri daripada perbuatan yang haram, penumpahan darah, segala perbuatan yang keji, memakan harta anak yatim dan harta orang ....” dan asas atau sendirinya kepada semuanya itu mengagungkan kebesaran Allah dengan tidak menyekutukannya kepada sesuatu yang lain – bersih dan putih hatinya mempercayai segala titah dan menunaikan segala tanggungan dengan tidak berharap kepada sesuatu balasan selain daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Inilah dia asas dan tujuan di dalam pengajaran Islam yang sebenar. Inilah dia perkara-perkara yang mesti diketahui oleh orang-orang yang bukan Islam akan cuba bersatu, bersatu di dalam persaudaraan, diikat di dalam satu persaudaraan yang sehati yang apabila seorang berasa sakit yang lain akan berasa sakit juga. Orang-orang kita sendiri masih gerun hendak bergerak, takut kepada halangan apabila dengan menamakan pertubuhannya “Ikhwan al-Muslimin” kerana konon-kononnya takut bahawa pihak pertadbiran akan kuat mencemburui tentang sesuatu langkah pertubuhan agama yang berupa membawa kesatuan dan mendirikan hak yang sebenar.

Saya percaya ketakutan itu hanya ada di dalam hati kita dan saya percaya bahawa pihak pertadbiran tidak akan menghalang walau sedikit pun kepada suatu pertubuhan sekalipun namanya serupa kepada pertubuhan di luar negeri yang dipercayai tidak menjalankan langkah-langkah kepada asas-asas

yang tersebut di atas; dan kerana itu tidaklah sayogia kita lebih dahulu takut sebelum melangkah gentar sebelum mara pada hal kalau kita menjalankan tiap-tiap pekerjaan dengan tulus ikhlas, menjaga dan mengawal maslahat kita maka yang demikian itu tidaklah akan ada satu orang pun yang akan membantah segala langkah dan gerak geri kita.

Adakah sebuah kerajaan di dalam dunia ini yang akan menghalang dan menggalang sesuatu langkah yang dilakukan oleh sesuatu golongan kerana mengawal dan menjaga maslahat dirinya? Tentu tidak! Mereka hanya akan menahan sesuatu langkah yang terbukti kepada merbahanya tetapi adakah merbahaya itu akan dinampak sebelum terbayang sesuatu yang merupakan corak kepada langkah-langkah itu?

Bagi mereka yang mengetahui, dan harus juga pihak pertadbiran mengetahui bahawa asas dan sendi-sendi Islam yang utama amanah, menghubungkan silaturahim, berbaik-baik dengan jiran, menjauhkan daripada perbuatan keji dan menahan daripada pertumpahan darah – yakni selagi ada segala maslahat dan daya upaya yang boleh dijalankan maka darah tidak boleh ditumpahkan – yang bermakna bahawa Islam tidak akan menjalankan sesuatu kekerasan, ia hanya memahamkan supaya berkelakuan baik patuh mengikut perintah Allah Subhanahu wa Taala dan berbuat baik kepada jiran dengan peraturan-peraturan yang sempurna yang berpunca kepada berkelakuan dan berperangai dengan akhlak yang baik.

Adanya sesuatu pertubuhan yang mengikut ajaran-ajaran yang sebenar itu, dengan tidak berbelah bagi selagi perasaan yang ada kepadanya adalah sangat-sangat mustahak adanya hari ini. Ikhwani Al-Muslimin mesti bersatu – dengan persatuan itulah akan terbina segala kerosakkan-kerosakkan yang telah menindas orang-orang kita. Dengan bersatu itulah kita akan dapat menghapuskan kucar kacir yang ada kepada belia-belia kita, dengan bersatu itulah kita akan dapat menghapuskan khurafat-khurafat dan bidaah-bidaah yang telah ditanam kepada kita beberapa lamanya dan dengan bersatu itulah juga kita akan dapat memberi petunjuk kepada orang-orang kita akan asas-asas perdirian Islam sebagaimana yang digambarkan di dalam perkataan Jaafar Bin Abi Talib yang di atas tadi

iaitu asasnya yang akan menunaikan janji Allah menjadikan kita khalifahnyanya di bumi ini.

Tapi dengan keadaan kita sebagai hari ini, di dalam keadaan kita yang penuh dengan khurafat-khurafat dan di dalam kelakuan-kelakuan sebahagian daripada ulama kita masih membilang biji buah tasbih sahaja maka kita akan jauh sekali daripada mendapat janji-janji Tuhan yang demikian itu. Adakah janji-janji itu akan sampai kerana kita di sini sebagai suatu daripada sendi masyarakatnya sedang kucar kacir dan berpecah belah? Adakah kita akan mendapat dan akan sampai kepada janji-janji itu sedang hati kita tidak yakin kepada diri kita dan tenaga kita sendiri kepada dasar tujuan yang tersebut? Hati kita berbelah bagi, kasihkan agama hanya pada sebutan jua bahkan agama itu dijadikan topeng atau dijadikan tabir, atau dijadikan sasaran kepada suatu cita-cita yang tersembunyi di dalam hatinya mengajar kepada kemuliaan dan ketinggian bagi dirinya sendiri.

“Tuhan semesta alam telah menjanjikan kepada Muhammad akan mendapat kebahagiaan dan kemuliaan dan mendapat pahala. Janji itu datangnya daripada Tuhan Yang Maha Kuasa yang boleh melakukan segala sesuatu tetapi Muhammad yang menerima perjanjian itu tidak tinggal diam, ia berusaha, ia mengeluarkan peluhnya, ia menumpukan segala ikhtiarnya, bahkan ia telah menumpahkan darah Mukmin di atas padang pasir di negeri Arab itu kerana menuntut kepada perjanjian yang tersebut “ – demikianlah kata Presiden Sukarno dalam ucapannya menyambut Maulid Nabawi di Jakarta baru-baru ini.

Muhammad (SAW) telah dijanjikan mendapat kebahagiaan dan kemuliaan dan dijanjikan Islam akan terkemuka tetapi ia tidak tinggal diam, ia tidak hanya membilang biji buah tasbih di dalam masjid hanya berzikir dan beribadat tetapi ia bekerja dan berusaha mengeluarkan peluhnya bahkan mengeluarkan darahnya kerana menyampaikan kebahagiaan dan kemuliaan itu.

Allah telah menjanjikan kita kaum Muslimin akan menjadi khalifah di bumi-Nya. Seratus peratus lamanya sudah setelah Islam cemerlang keadaannya muram semuram-muramnya. Kejatuhannya

tidak dapat di nafikan kerana melanggar segala kebahagiaan dan petunjuk yang telah di beri sebagaimana yang digambarkan oleh Jaafar Bin Abi Talib. Seribu tahun lebih lamanya orang-orang kita leka dan asyik melanggar segala tegahan-tegahannya dengan tidak tabik kecuali lagi di mana adanya sehingga di tempat-tempat yang hampir dengan Kaabah dilakukan oleh mereka yang durjana arak yang diharamkan menjadi halal judi yang diharamkan semakin galak. Zina bermaharajalela bahkan harta anak yatim semakin ganas nafsu nafsi menjadi-jadi. Bakhil dan tamak berleluasa dan seterusnya pekerjaan-pekerjaan yang ditegah menjadi kegemaran dan di dalam masa itulah kita, setelah boleh dikenakan lumpuh dengan melumpuh-lumpuhnya patut mengulangkaji sebab-sebab keruntuhan kita dengan kerana perbuatan melanggar hukum dan perintah Allah itu.

Kita mesti memahamkan dengan sejelas-jelasnya akan bagaimana tanggungan-tanggungan dan kewajipan kita serta bagaimana jihad-jihad yang dikehendaki kita membuatnya serta hendaklah difahamkan dengan jelas bahawa dengan mengadakan pengorbanan-pengorbanan dan jihad-jihad itu ia tidak akan membawa kita papa atau binasa.

Semuanya ini tidak akan dapat berjalan dan tidak akan dapat diselenggarakan perasaan kasih sayang bersaudara sebagaimana yang telah diikat oleh Muhajirin dan Ansar dahulu dan dengan perasaan itu maka hendaklah kita mengadakan pertubuhan persaudaraan Islam yang erat untuk membina kedudukan dan hal ehwal kita yang telah kucar kacir, diberi petunjuk dan faham yang seluas-luasnya kepada belia-belia kita yang banyak tercebur ke dalam lembah kehinaan, mengikis pekerjaan-pekerjaan penjual-penjual agama yakni penambah-penambah bidaah dan khurafat-khurafat untuk mencari faedah dirinya dengan memeras saudara-saudaranya yang lain; menanam perasaan-perasaan yang sebat di dalam dada belia-belia kita dengan perasaan apabila sakit seorang saudaranya maka ia berasa juga sakit.

Inilah tujuan-tujuan yang dikehendaki untuk kita bersama. Kita tidak mesti membesar-besarkan segala gerak langkah kita tetapi yang utama sekali yang kita kehendaki ialah binaan,

binaan yang membentuk akhlak dan budi pekerti yang baik dan dengan akhlak dan budi pekerti yang baik itulah kita akan dapat menyampaikan apa jua yang kita kehendaki kemudiannya. Kita pegang sebelum sendi dan kedudukan kita terbina dengan baik dan mengikut ajaran-ajaran yang disampaikan oleh Muhammad Bin Abdullah yang telah digambarkan oleh Jaafar Bin Talib yang menjadi kebahagiaan bagi mereka yang menerima pengajaran-pengajaran itu. – Sekianlah dahulu adanya.

#### Sangkaan Jahat

Orang-orang yang hendak selamat dan hendak menjauhkan dirinya daripada sangkaan jahat hendaklah ia menjauhkan semua perbuatan, tingkah laku dan pergaulan yang membawa kepada sangkaan jahat. Perbuatannya membawa kepada sangkaan jahat itu baik. Lelaki berkhalwat dengan perempuan yang bukan mahramnya menimbulkan sangkaan jahat. Ia tak boleh menyalahkan orang kalau orang menyangka yang ia telah berbuat jahat oleh sebab perbuatannya sendiri menerbitkan sangkaan itu.

Orang yang ada di tempat maksiat, di tempat judi, di dalam kedai bar (kedai jualan arak), di tempat pelacuran – biasanya menimbulkan sangkaan jahat walaupun ia tidak melakukan kejahatan di sana seperti minum arak atau berzina kerana tempat-tempat itu boleh menerbitkan syak wasangka orang ke atasnya. Ia tak boleh menyalahkan orang menyangka yang ia melakukan kejahatan. Oleh kerana itu Baginda Ali berkata : “Barangsiapa mencampakkan dirinya di tempat sangkaan jahat maka janganlah ia menyesali orang-orang yang menyangka jahat kepadanya”.

Ada banyak orang yang apabila sahaja ia jauh, mereka jadi sahabat, dan mereka jadi musuh apabila sahaja dekat.